

Norashed Mat Arip, Pembantu Am Rendah Jabatan Pembangunan dan Penyelenggaraan (JPP) yang terbabit dengan kemalangan jalanraya yang ditemui di rumahnya Kampung Changhai, Sintok berkata, kehadiran Naib Canselor dan pihak pengurusan yang lain memberikan kejutan padanya.

"Saya tidak menyangka sama sekali akan kehadiran pihak pengurusan kerumah saya lebih-lebih lagi menjelang syawal ini,"katanya.

Manakala Ketua Pegawai Teknologi, Pusat Komputer Abd Razak Jusoh yang berkhidmat sejak 1988 ketika ditemui melahirkan rasa terharu dan gembira dengan kehadiran Naib Canselor kerumah beliau.

"Sepanjang perkhidmatan saya belum pernah Naib Canselor atau Ahli MEU yang datang untuk menziarahi saya secara rasmi seperti ini dan saya akan menjadi kenangan manis bagi saya kerana berkhidmat dengan UUM,"ujarnya.

Beliau yang mengalami penyakit saraf dan sedang bercuti melahirkan terima kasih kepada pihak pengurusan yang menziarahi beliau terutama menjelang Aidilfitri.

Bagi Prof Madya Dr Abu Bakar Hamed pensyarah UUM COB pula yang memulakan kerjaya di bahagian pentadbiran Jabatan Pendaftaran pada 1984 sebelum dilantik sebagai pensyarah 1987 merasakan amat terharu dan rasa bersemangat untuk bekerja semula dengan kunjungan Naib Canselor ini.

Beliau yang mengalami kanser sejak Julai tahun lalu sedang bercuti sakit dan mengambil peluang untuk mengucapkan selamat hari raya kepada semua warga kampus ini.

Dalam pada itu Prof Dr Mohamed Mustafa yang ditemui berkata, kunjungan kerumah sepuluh kakitangan yang sedang bercuti ini adalah bagi menyampaikan mesej bahawa perkhidmatan mereka sentiasa diingati walaupun sedang sakit.

"Kita tidak pernah lupa jasa mereka untuk membantu pentadbiran universiti dan lawatan ini juga diadakan bagi melihat dan mengetahui bantuan yang boleh diberi kepada mereka sekiranya diperlukan,"ujar beliau lagi ketika ditemui sempena lawatan ke rumah kakitangan yang sakit di Changlon, Kodiang dan Jitra.

Majlis ini dianjurkan bersama oleh Jabatan Pendaftaran dan Jabatan Canselori.

Habis.